

UM 2 DEC 1987
JAN

**MENCARI RAHMAT
TERSEMBUNYI DARI
KEMELESETAN
EKONOMI SEKARANG**

MEMANG sudah ditakdirkan bahawa semasa negara menghadapi kemelesetan ekonomi dan masalah - masalah yang timbul akibatnya, Perdana Menteri kita ialah **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad**.

Beliau mula memegang teraju pemerintahan pada 16 Julai 1981 semasa kemerosotan ekonomi mula dirasai dan rakyat menghadapi "style" hidup yang serba kekurangan jika dibandingkan dengan masa-masa lalu.

Mahu atau tidak, Perdana Menteri kali ini mesti mengambil segala tindakan yang memberi manfaat kepada rakyat jelata dengan keadaan yang sedia ada dan mencari rahmat tersembunyi dari kemelesetan ekonomi sekarang.

Kita bersyukur kerana segala tindakannya setakat ini adalah sesuai dan tepat bukan saja bertujuan memberi manfaat kepada rakyat tetapi beliau telah mengguna dan mengambil kesempatan dari keadaan merosot ini untuk membimbing negara ke arah satu tamadun baru yang lebih cemerlang.

Hasrat Perdana Menteri ini telah terukir di dalam kira-kira 20 konsep dan dasar yang telah diumumkan dan dilaksanakan. Antaranya ialah dasar pandang ke Timur, dasar persyarikatan Malaysia, dasar penswastaaan. Tidak kurang kesannya kepada rakyat jelata dan kakitangan kerajaan ialah konsep kad perakam waktu dan tanda nama.

Kesemua konsep dan dasar ini adalah saling berhubung-kait ke arah mewujudkan rakyat yang gigih dan berpotensi bagi menjadikan negara ini sebuah negara yang bersih, cekap dan amanah sama ada sebagai individu atau sebagai anggota masyarakat.

Untuk mencapai matlamat ke arah ketamadunan ini, kesemua dasar dan konsep ini hendaklah diterap dan dijadikan panduan hidup kepada semua rakyat.

Di samping itu, segala amalan dan cara pemikiran lama yang tidak memberi manfaat kepada rakyat hendaklah dikikis sama sekali dari segala bidang dan aktiviti baik kerajaan atau swasta.

Segala amalan boros ketika mewah tidak lagi diberi peluang berterusan dan pemikiran bahawa kita boleh boros sedikit demi sedikit dikikis dan konsep berbelanja untuk faedah dan pengeluaran yang maksimum dijadikan sifar perbelanjaan.

Di bidang pentadbiran, langkah pertama yang diambil oleh Perdana Menteri ialah untuk mengurangkan perbelanjaan mengurus sebanyak 20 peratus. Tindakan ini telah menukar corak pemikiran dengan bukan saja kakitangan kerajaan bahkan mereka yang terlibat dengannya.

Tindakan kedua ialah untuk

mengurangkan jumlah kakitangan kerajaan yang berjumlah hampir sejuta yang memakan belanja 12 peratus pendapatan negara dari segi pembayaran gaji.

Tindakan ini akan memakan masa yang panjang tetapi pemikiran rakyat telah menerima hakikat bahawa kerajaan tidak lagi akan mengambil pekerja seperti yang berlaku sebelum ini.

Menyedarkan

Mengenai kemerosotan ekonomi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir pernah berkata bahawa ia serupalah dengan keadaan air surut ternampaklah sampah sarap dan kekotoran. Masa surut ini pulalah kita harus bertindak membersihkan segala kekotoran dan bau yang busuk.

Ramai pemimpin negara dan pakar ekonomi berpendapat bahawa kemerosotan ekonomi sekarang ini

adalah satu rahmat yang patut kita semua bersyukur.

Dalam keadaan kemerosotan ekonomi inilah telah timbul beberapa kejadian yang menyedarkan rakyat seperti penyelewengan dalam menggunakan wang rakyat miskin, penipuan - penipuan yang terbongkar sementara yang tamak dan haloba menghadapi kemuflian.

Kepercayaan rakyat terhadap janji-janji kosong sekarang ini diganti dengan tindakan yang teliti dan berhati - hati.

Dalam masa kemerosotan ekonomi inilah pula timbul segala isu-isu yang selama ini di mana persepsi kita terhadapnya kurang jelas dan tidak tajam. Isu-isu seperti hubungan kaum sekarang ini menjelmakan satu dimensi yang lebih jelas akibat persoalan Dasar Ekonomi Baru dan timbulnya isu pribumi.

Selama ini pemimpin negara pernah melaukan gesaan - gesaan supaya rakyat mengubah sikap dan

pemikiran mereka ke arah kemajuan diri dan produktiviti. Mereka selalu meminta rakyat supaya menggunakan sepenuhnya setiap inci tanah mereka untuk meningkatkan pendapatan.

Segala contoh, latihan dan bimbingan diberi dengan percuma. Tetapi segala seruan dan gesaan ini boleh diibaratkan sebagai mencurahkan air di daun keladi kerana masa itu keadaan adalah serba mewah kalau tidak bekerjapun tidak kebuluran. Zaman bersenang - lenang sudah tamat dan mungkin tidak akan berlaku lagi.

Satu kesedaran yang mula diterima oleh pemikiran rakyat sekarang ini ialah hakikat bahawa kerajaan tidak lagi menjadi penggerak utama pembangunan dan kemajuan. Segala tindakan kerajaan sekarang ini ialah supaya setiap rakyat berdikari.

Kemudahan

Inilah semangat yang sepatutnya dipupuk selepas kita mencapai kemerdekaan dulu. Institusi kerajaan yang ada sekarang ini hanya memberi segala kemudahan yang diperlukan oleh rakyat dan terpujanglah kepada rakyat sendiri untuk menggunakan sepenuhnya kemudahan tersebut. Mentaliti subsidi dan pemikiran bahawa memberi kemudahan secara percuma tidak akan berlaku lagi. Segalanya mempunyai kosnya sendiri. Perkara utama yang menjadi buah mulut rakyat dalam zaman kemelesetan ini ialah mengenai perkara - perkara yang berkaitan dengan tanah, pengangguran dan pelajaran serta soal-soal yang berkaitan dengan kanak - kanak dan remaja.

Kita bersyukur kerana harga barangan keperluan harian seperti makanan masih mampu kita membelinya serta keperluan harian yang lain.

Kita bersyukur kerana semasa kemelesetan ini kerajaan - kerajaan negeri telah mengambil beberapa tindakan supaya para pemaju perumahan tidak lagi mengaut keuntungan hingga 400 peratus seperti yang berlaku sebelum ini.

berdikari dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Rancangan - rancangan pertanian untuk meningkatkan industri tidak sepatutnya lagi dilaksanakan dan dibiayai oleh kerajaan. Sungguhpun syarikat - syarikat swasta yang terkenal digalakkan mengambil alih industri ini, rakyat perseoranganlah yang sepatutnya diberi keutamaan tanpa perkiraan politik.

Kerajaan - kerajaan negeri masih menghadapi masalah memungut cukai tanah - tanah rancangan pinggir di mana setiap peserta memperoleh lebih kurang enam ekar. Ini adalah kerana tanah - tanah tersebut tidak diusahakan secara komersial dan masih terdapat kerajaan - kerajaan negeri yang memberi tanah hanya seekar seorang dan inipun kepada mereka yang tidak berminat atau yang berupaya mengusahakannya.

Perkara - perkara sedemikian dipersoalkan akibat inisiatif kerajaan menggalakkan penubuhan pasar - pasar tani di mana rakyat melihat betapa larisnya jualan hasil pertanian.

Kesedaran ini mencetuskan hasrat petani untuk mendapatkan tanah. Apabila tidak diperolehi mereka mula meneroka secara haram.

Berasaskan hakikat bahawa ada pihak yang ingin bertani tidak mempunyai tanah dan ada golongan yang dikurniakan tanah tetapi tidak mengusahakannya inilah maka kajian menyeluruh patut dilakukan.

Hasil pewujudan pasar - pasar tani ini juga menyedarkan rakyat betapa pentingnya setiap inci tanah mereka itu diusahakan seperti menjalankan ternak air yang boleh memberi

pemasaran, mereka akan menghadapi masalah yang sama seperti petani di Temerloh.

Di sini, peranan dan konsep orang tengah patut diajar dan dilaksanakan terutama sekali kepada siswazah penganggur sehingga pengusaha - pengusaha ini bersatu dan berupaya mencari pasaran.

Graduan - graduan yang menganggur merupakan satu lagi hakikat bahawa kerajaan akan terus memberi segala peluang untuk memberi pelajaran yang cukup kepada rakyatnya tetapi tanggungjawab untuk mendapatkan kerja adalah menjadi tanggungjawab mereka sendiri. Fikiran bahawa setiap yang berkelulusan universiti itu diambil bekerja oleh kerajaan tidak semestinya wujud lagi. Ini adalah hakikat yang patut diterima oleh mereka.

Menyediakan

Akibat daripada pemikiran bahawa kerajaan akan menyediakan kerja ini nyata sekali apabila orang - orang Melayu pergi belajar di Taiwan. Setiap mereka mempelajari mata pelajaran seperti bahasa dan berkaitan dengan pentadbiran bagi menyediakan diri untuk bekerja dengan kerajaan walhal rakyat keturunan Cina mempelajari mata pelajaran yang menyediakan mereka menjadi pengusaha.

Boleh dikatakan kesemua pelajar keturunan Cina yang kelulusan Taiwan sekarang ini menjadi jutawan dengan menjalankan perusahaan menternak udang harimau, perusahaan asparagus dan perusahaan manisan lebah manakala Melayunya sekarang bekerja dengan bank-bank Cina.

Graduan - graduan yang menganggur ini patut bersyukur oleh kerana mereka berpeluang mendapat pelajaran yang cukup. Cukup di segi latihan menggunakan kecerdikan dan kepandaiannya yang diasah selama di universiti untuk meneroka di bidang - bidang yang tersedia sekarang ini. Di segi pemasaran, mereka patut menjelajah ke daerah - daerah untuk mengcsan pengusaha - pengusaha

Dalam keadaan kemerosotan ekonomi inilah telah timbul beberapa

Boleh dikatakan setiap hari sekarang ini tersiar dalam akhbar - akhbar tempatan atau luar negeri betapa ramainya "billionaire" Malaysia yang usul asalnya miskin tetapi dengan membuat projek - projek perumahan mereka menjadi kaya-raya. Mereka kaya oleh kerana kerajaan yang memberi mereka tanah dan tidak memberi sebarang syarat atas harga rumah yang didirikan.

Sekarang ini dengan keluasan 20 kaki kali 55 kaki, pemaju berupaya mendirikan rumah murah tiga bilik berharga \$25,000 tanpa menjejaskan kemudahan dan masih meraut 25 peratus keuntungan.

Pemaju - pemaju yang sedemikianlah yang patut digalakkan dan patut ditambah luasan tanah kurnia kerajaan - kerajaan negeri.

Kemelesetan juga telah mengakibatkan rumah - rumah yang dibina hanya di atas dasar tamak dan haloba sekarang tidak siapa yang mahu membelinya yang banyak pemaju yang telah gulung tikar.

Di segi tanah pertanian pula, berjenis - jenis rancangan pembangunan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri sekarang patut dikaji semula terutama sekali di segi fadach yang diperolehi oleh rancangan tersebut.

FELDA telah berjaya mencapai matlamat asalnya iaitu memberi tanah kepada mereka yang tidak bertanah. Sama ada matlamat untuk menambah pendapatan peneroka itu jika dibandingkan dengan penduduk kampung asalnya perlu dikaji semula. Ini ialah kerana banyak tanah yang kurang daripada 10 ekar yang diberi oleh FELDA yang berada di kampung - kampung membolehkan penduduknya mendapatkan wang tunai untuk belanja harian.

Di peringkat negeri sekarang ini terdapat beberapa jawatankuasa pembangunan tanah yang melibatkan beberapa undang - undang dan ordinar yang juga perlu dikaji semula supaya hasrat untuk rakyat individu

kejadian yang menyedarkan rakyat seperti penyelewengan dalam menggunakan wang rakyat miskin, penipuan - penipuan yang terbongkar sementara yang tamak dan haloba menghadapi kemufliisan

pendapatan lumayan setiap minggu. Begitu jugalah pengeluaran asparagus, cendawan, jambu batu dan sayur - sayuran yang sering menjadi tajuk berita akhbar - akhbar sekarang ini.

Lama-kelamaan, konsep pasar tani ini akan menimbulkan masalah juga sepertilah masalah pemasaran semasa dasar buku hijau dilancarkan masa zaman Tun Razak dulu. Ketika itu ada petani di Temerloh mengeluarkan tembikai tetapi tidak ada pasaran dan ia dijadikan bolasepak.

Oleh kerana setiap petani sekarang ini hendak menanam asparagus dan mengusahakan cendawan tanpa mempunyai data-data keupayaan

kecil. Satukan mereka dan rangka pemasaran hasil perusahaan mereka biarpun keluar negeri.

Di segi mengusahakan tanah terbiar suah terlalu banyak panduan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan untuk dinyatakan di sini. Memadailah dengan kenyataan ada kekayaan tersedia di kawasan - kawasan terbiar ini.

Kepada pelajar - pelajar kita yang di luar negeri, mereka patutlah diberitahu oleh ibu bapa mereka bahawa jikalau pengajian mereka itu setakat diploma sahaja, biarlah mereka meneruskan pengajiannya setinggi - tinggi yang boleh sebelum pulang ke tanahair. Sementara itu biarlah mereka mengesan pasaran pengeluaran negara atau mencari idea-idea baru di bidang perusahaan kecil atau besar untuk dijadikan bekal masa depan mereka.

Jikalau mereka balik dengan hanya diploma sahaja nescaya mereka akan menambah jumlah penganggur di negara ini.

Gesaan yang dibuat oleh para pemimpin kita selama ini tidak memberi bekas oleh sebab kemewahan. Kerana kemewahan itu sekarang ini semakin tiada, keadaan kesempitan inilah yang berupaya mengubah corak pemikiran dan tabiat manusia.

Dengan itu kerajaan sepatutnyalah mengambil peluang ini untuk mengubah lagi pemikiran rakyat ke arah menjadikan negara yang tercinta ini satu negara yang utuh, gigih dan berdikari.

Biarlah kita mengambil contoh dari negara Thai di mana rakyatnya tidak dimanjakan sangat dan di saat-saat kemerosotan ini negara itu tidak banyak terjejas olehnya.

Dahulu matlamat kerajaan ialah untuk memenangi hati dan pemikiran rakyat untuk menerima pembangunan, tetapi sekarang patutlah diubah kepada mengubah hati dan pemikiran rakyat ke arah membangunkan diri secara sendirian.